

CNS8516

R GB 23-11 00160 BH881

bah

Mahathir - Lawatan

SAYA JUGA MERASA LETIH, KATA MAHATHIR MENGENAI LAWATANNYA

Daripada: Azman Ujang

I

DAXAR (Senegal), 23 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau turut merasa letih apabila membuat lawatan ke luar negara tetapi tidak keberatan melakukannya terutama bagi kepentingan kerjasama Selatan-Selatan.

Perdana Menteri yang telah melawat setiap benua di dunia, berkata jika lawatan-lawatan ke luar negara itu mendatangkan hasil yang dikehendaki, ia akan menjadi bermakna dan menghilangkan kepenatan yang dialami.

+ Saya merasa letih tetapi saya masih muda pada usia 67 tahun, kata Dr Mahathir kepada para wartawan Malaysia di bilik hotelnya semasa ditanya mengenai lawatan-lawatan yang begitu banyak dilakukannya.

Sebelum ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 negara-negara membangun, Dr Mahathir telah melakukan lawatan rasmi lima hari ke Namibia.

Dan selepas tiga hari di sini, beliau akan ke Tunisia pada Selasa untuk satu lagi lawatan rasmi. -- Lagi

▼23/11/11-16MST

CNS8520

R GB 23-11. 00136 BH882

bah

Mahathir - Lawatan 2 Dakar

Seorang wartawan telah bertanya Perdana Menteri sama ada beliau mempunyai rahsia mengatasi kepenatan berjalan sedangkan beberapa wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan beliau tidak terikut langkahnya.

Beliau ketawa mendengar soalan itu dan berkata: + Tiada sebarang rahsia tetapi anda merasakan ia sesuatu yang anda sika lakukan. Saya juga merasa letih sebenarnya. +

+ Tetapi jika lawatan-lawatan itu memberikan hasil, saya tidak akan merasa keletihan, tambah beliau.

Semasa ditanya sama ada beliau akan mengadakan lawatan lagi sebelum akhir tahun, beliau menjawab: + Tidak. Cukuplah dan selepas Tunisia, saya akan pulang. +

Xatanya, beliau suka jika dapat melawat sesuatu negara paling lama tiga hari tetapi kerana sebab-sebab tertentu kadangkala sesuatu lawatan itu mengambil masa hingga lima hari seperti lawatannya ke Namibia. -- Lagi

▼23/11/11-29MST

CNS8523

R GB 23-11 00131 BH883

bah

Mahathir - Lawatan 3 Dakar

+Saya hendak balik . Kerja banyak di tanahair selepas ini 'kerja ' bertimbun.+

Dr Mahathir menyifatkan lawatannya ke Namibia sebagai amat menarik kerana beliau mula memahami bagaimana negara itu membangun selepas diperintah oleh kuasa-kuasa lain sebelum ini.

Beliau berkata Windhoek, ibu negara Namibia, amat menarik dan cantik tidak seperti kebanyakan ibukota negara Afrika yang lain.

+Iasanqat modern seperti Eropah. Ia mempunyai infrastruktur yang amat baik walaupun ia tidak mempunyai sumber air.+

Dr Mahathir berkata beliau yakin kerajaan di Namibia yang mengambil alih ekoran kemerdekaannya dari Afrika Selatan pada 1990 akan membawa kemajuan ekonomi yang lebih besar dengan infrastrukturnya yang amat baik dan cara pentadbirannya yang berbeza daripada negara-negara Afrika yang lain. -- Lagi

♥23/11/11-39MST

CNS8524

R GB 23-11 00080 BH884

bah

Mahathir - Lawatan 4 (Akhir) Dakar

Semasa ditanya mengenai hubungan Malaysia dengan Afrika Selatan pada masa depan, beliau berkata Malaysia sebagai anggota Komanwel harus mematuhi keputusan-keputusan yang diambil oleh kumpulan itu mengenai Afrika Selatan.

Pada masa ini Komanwel hanya membenarkan anggota-anggotanya mengadakan hubungan antara rakyat dengan rakyat dan bukan kerajaan dengan kerajaan.

Bisebabkan itu, status hubungan Malaysia buat masa ini akan kekal pada peringkat yang ada sekarang. -- Bernama

♥23/11/11-44MST